

TERAS

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Fokus :

Kenaikan
Pangkat
Staf

Anjakan
Gaji

Pecah
Kontrak

Info Bahagian
matan

LG
173
.M44
T47
2010
a
v7

S
T
Ti

Kapal Terbang

ISI KANDUNGAN

Sekalung Tahniah	6
Kenaikan Pangkat Staf Akademik	7
Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik	9
Anjakan Gaji	12
Pecah Kontrak	16
The Internatioanl Destination For Higher Technical Education	18
Info Bahagian Kesejahteraan Personel	20
Info Bahagian Keselamatan	22
"Kreativiti Dan Inovasi Menjana Kompetensi Berterusan"	24
Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR)	26
Sistem Tempahan Tiket Kapal Terbang	30
Staf Yang Telah Berjaya Menamatkan Pengajian Dari Januari 2010 - Disember 2010 (Ijazah Doktor Falsafah)	32
Staf Yang Telah Berjaya Menamatkan Pengajian Dari Januari 2010 - Disember 2010 (Ijazah Sarjana)	34
Personaliti	36
Galeri	38



87515792

REDAKSI

PENAUNG :
HASAN BIN SIRUN

KETUA EDITOR :
MASDZARIF BIN MAHAT

EDITOR :
SITI RAHIMAH BINTI AB RAHAMAN
MOHD HAIRULL BIN ABDOLAH

SIDANG REDAKSI

Mohd Nawawi bin Muhamad
Azrina binti Alwi
Hasan bin Saleh
Nordiana binti Md Lamin
Mohd Adznan bin Mohd Nayan
Muhammad Hazrul bin Md Esa
Mohd Kuizwa bin Mohd Johari

PEMBERITA

Wan Nazrul Shukri bin Kamarul Baharin
Mohd Adznan bin Mohd Nayan
Muhammad Hazrul bin Md Esa
Misdom bin Lan
Murni binti Abu
Rafedah binti Sajadi
Mohd Kuizwa bin Mohd Johari
Masdzarif bin Mahat
Nordiana binti Md Lamin
Siti Salwah binti Ahmad
Erdalia Erna binti Daud
Mohd Nawawi bin Muhamad

PEMBACA PRUF

Sharifah Aishah binti Syd Ismail
Noraini binti Buang

REKABENTUK

Mohd Faiz bin Zulkifli
Hanisah binti Hamdzah

JURUGAMBAR

Md. Nor bin Mohamad Saleh
Asri bin Abu

جامعة ملaysia ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MELAKA

جامعة ملaysia ملاك




EDITOR

*Di ribut runduklah padi
Dicupak Datuk Temenggung
Hidup kalau tidak berbudi
Duduk tegak ke mari canggung*

*Tegak rumah kerana sendi
Runtuhan budi rumah binasa
Seni bangsa ialah budi
Runtuhan budi runtuhan bangsa*

HAJI ABDUL MALIK BIN HAJI
ABDUL KARIM AMRULLAH
(HAMKA) 1908 - 1981



R I A L

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam 1 Malaysia.

Syukur Alhamdulillah, keluaran TERAS Edisi ke-7 telah berjaya diterbitkan seperti mana yang diharapkan.

Pejabat Pendaftar perlu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan akauntabiliti disamping memberi sepenuh komitmen kearah meningkatkan penyampaian perkhidmatan berkualiti yang memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan. Memahami kaedah-kaedah yang kreatif dan inovatif serta kesanggupan untuk melaksanakan berbagai inisiatif yang strategik, maka Pejabat Pendaftar perlu meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang diharapkan dan akan terus mengenal pasti, memilih dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang boleh mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Semua warga UTeM perlu bersama-sama menggembangkan tenaga dan masa untuk memartabatkan wadah dan perjuangan agama, bangsa dan tanahair melalui iltizam yang tinggi, berbudi pekerti dan berfikiran positif. Akhlak yang mulia adalah tunjang kepada kehidupan yang berkat, ilmu yang diamalkan akan memberi fadhilat semoga usaha kita memberi manfaat.

Untuk edisi ke-7 ini, beberapa isu yang penting telah diketengahkan sebagai panduan dan penyaluran maklumat kepada warga UTeM khasnya; isu mengenai anjakan gaji, pecah kontrak, CPD UTeM dan sistem tempahan tiket kapal terbang.

Sekalung tahniah kepada penggerak TERAS Edisi ke-7, semoga matlamat keluaran Buletin TERAS ini dapat diteruskan di masa-masa akan datang.

Masdzarif bin Mahat



SEKALUNG TAHNIAH

buat pengurusan tertinggi Universiti

TERAS

Jawatankuasa pemilih bagi maksud perlantikan ke suatu jawatan kursi dan perlantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Kanan dan Profesor Bil. 1/2010 berhubung penganugerahan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas (VK6).

Tanggal 24 Jun 2010 merupakan detik bersejarah bagi Universiti Teknikal Malaysia di mana Lembaga Pengaral Universiti telah memperakarkan beberapa orang Pegawai Kanan Universiti untuk dianugerahkan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat seperti berikut:



Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor
bin Husain
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
Profesor Gred Khas A



Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad
Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)
Profesor Gred Khas B



Y.Bhg. Eng. Prof. Dr. Marizan
bin Sulaiman
Dekan
Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Profesor Gred Khas B



Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Razali
bin Muhamad
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah
Profesor Gred Khas B

‘Keindahan sesuatu perbuatan adalah kelainan yang dinamik serta memberi impak yang berpanjangan ,

Terlebih dahulu saya merakamkan penghargaan kepada Sidang Redaksi TERAS yang memberi peluang untuk saya menukikan sepatah dua kata di ruangan ini. Pertamanya segala puji ke hadrat ALLAH Maha Pencipta kerana dengan izinNya maka saya dianugerahi rahmat kenaikan pangkat yang sarat makna yang tidak ternilai. Alhamdulillah, pencapaian ini sangat bererti buat diri serta keluarga. Keindahan sesuatu perbuatan adalah kelainan yang dinamik serta memberi impak yang berpanjangan. Justeru, perubahan budaya kerja yang pantas serta sensitiviti terhadap keperluan semasa tugas sentiasa menjadi prioriti saya. Ibarat kata Sir Winston Churchill, ‘it’s no use saying we are doing our best, you have to succeed in doing what is necessary’. Saya turut mengambil kesempatan menyeru semua warga selaku nadi penggerak untuk bersama mengambil inisiatif mempertingkat kemahiran, ilmu, pendedahan serta penghayatan tugas daripada pelbagai aspek ke arah merealisasikan aspirasi Universiti.



Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK SEBAGAI PEMANGKIN UNTUK MENTRANSFORMASIKAN UTeM KE ARAH KECERMELANGAN

Jawatankuasa Pemilih Bagi Guru Selain Jawatan Kursi (Prof. Madya, Pensyarah, Guru Bahasa dan Tutor) Bilangan 5/2010 telah bersetuju untuk kenaikan pangkat kepada staf yang berikut :

PROF. MADYA DS54

Sepanjang tahun 2010, Universiti telah mengadakan beberapa siri temu duga kenaikan pangkat bagi staf akademik. Terdapat beberapa orang staf akademik yang telah berjaya di dalam proses temu duga tersebut dan telah diperakurkan untuk dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. **Tahniah !**



Dr. Faaizah binti Shahbodin
Fakulti Kejuruteraan Teknologi
Maklumat & Komunikasi



Dr. Burairah bin Hussin
Fakulti Kejuruteraan Teknologi
Maklumat & Komunikasi

PENSYARAH KANAN DS52

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER -----

Dr. Soo Yew Guan
Dr. Kok Swee Leong
Siti Khadijah binti Idris @ Othman
Maisarah binti Abu
Mohamad Zoinol Abidin bin Abd Aziz

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK -----

Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon
Dr. Chong Shin Horng

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL -----

Dr. Musthafah bin Mohd
Dr. Roszaidi bin Ramli
Norasra binti A.Rahman
Mohd Rizal bin Alkahari

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI -----

Mohamad Radzi bin Motsidi
Mohamad Sanusi bin Azmi

PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN -----

Dr. Radzuan bin Nordin
Dr. Mariana binti Yusoff
Nooraini binti Sulaiman

Siti Khadijah binti Idris @ Othman
FKEKK



Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmatNya saya dianugerahkan rezeki ketika sedang bercuti daripada perkhidmatan. Terima kasih tak terhingga diatas sokongan dan kepercayaan terutamanya kepada pihak pengurusan tertinggi serta individu yang terlibat dalam pemilihan untuk kenaikan pangkat serta mengiktiraf sumbangan yang diberi selama bertugas di UTeM ini. Tidak terkecuali rakan-rakan staf UTeM yang sentiasa bekerjasama berganding bahu dalam menjalankan tugas yang diamanahkan dengan setulus hati. Tidak dilupa pengorbanan dan pengertian khususnya daripada suami, Mohd Khuzairi Mohzan serta anak-anak yang sentiasa di sisi di kala susah dan senang. Sesungguhnya anugerah ini menjadikan saya lebih bersemangat terutamanya untuk menyiapkan PhD dibumi Scotland ini seterusnya kembali menyumbang bakti ke arah kecemerlangan UTeM tercinta. Semoga hasil kerja yang ikhlas ini tidak hanya mendapat ganjaran dan pengiktirafan di dunia tetapi juga menjadi ibadah yang akan beroleh ganjaran di akhirat kelak.

KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK SEBAGAI PEMANGKIN UNTUK MENTRANSFORMASIKAN **UTeM** KE ARAH KECEMERLANGAN

TERAS

Selari dengan penubuhan Universiti yang berteraskan teknikal dan ‘hands on’, Jurutera Pengajar di universiti ini juga tidak ketinggalan dari segi peluang kenaikan pangkat di mana pada tahun 2010, seramai 5 orang Jurutera Pengajar Gred J41 telah dinaikkan pangkat ke jawatan Jurutera Pengajar Kanan Gred J44 manakala 4 orang Jurutera Pengajar Gred J41 telah diperakurkan untuk memangku jawatan Jurutera Gred J44.

KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN JURUTERA PENGAJAR GRED J44

FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK



Asri bin Din



Aminurrashid bin Noordin



Mohd Razali bin Mohamad Sapiee



Mohd Farriz bin Hj Md Basar



Muhammad Sharil bin Yahaya

FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN



Syahrul Azwan bin Sundi @ Suandi



Hassan bin Attan



Khairul Anuar bin A.Rahman

**JURUTERA PENGAJAR J44
(MEMANGKU)**



Hambali bin Boejang

FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

STAF BUKAN AKADEMIK YANG DINAIKKAN PANGKAT MEI 2010 - DISEMBER 2010

TERAS

Jawatankuasa Pemilih Bagi Jawatan Pengurusan & Profesional

Bil. 6/2010 telah bersetuju untuk kenaikan pangkat kepada staf yang berikut :

Mohd Isa bin Mohd Dom

PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F54

‘Saya amat percaya bahawa kejayaan ini adalah hasil sokongan dan dokongan semua pihak kepada saya terutamanya rakan-rakan sekerja di Pusat Komputer.’

Syukur kepada ALLAH S.W.T kerana limpah kurniaNya memberikan rezeki kepada kita. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Universiti terutama kepada Yang Berbahagia Prof Datuk Naib Canselor kerana menaruh kepercayaan kepada saya untuk memegang gred jawatan baru ini. Saya amat percaya bahawa kejayaan ini adalah hasil sokongan dan dokongan semua pihak kepada saya terutamanya rakan-rakan sekerja di Pusat Komputer. Jutaan terima kasih saya ucapkan untuk semua. Terima Kasih.



Wahi bin Nordin
**KETUA TIMBALAN
PENDAFTAR
GRED N52**



Siti Noor Kiah binti
Syed Abdul Malek
**TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
GRED S52**



Misdom bin Lan
TIMBALAN PENDAFTAR GRED N48



Alhamdullilah...syukur kepada Allah kerana limpah kurniaNya memberikan rezeki kepada saya. Terima kasih kepada Pengurusan Universiti kerana memberikan kepercayaan kepada saya untuk menyandang gred jawatan ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan atas sokongan yang diberikan. Kepercayaan yang diberikan akan saya galas berlandaskan prinsip DariNya, UntukNya dan KepadaNya.

‘Kepercayaan yang diberikan akan saya galas berlandaskan prinsip DariNya, UntukNya dan KepadaNya.’

STAF BUKAN AKADEMIK YANG DINAIKKAN PANGKAT MEI 2010 - DISEMBER 2010

TERAS

Jawatankuasa Pemilih Bagi Jawatan Pengurusan & Profesional

Bil. 6/2010 telah bersetuju untuk kenaikan pangkat kepada staf yang berikut :

PEMANGKUAN JAWATAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L48 : Azhar bin Mohamed



Kementerian Pengajian Tinggi telah bercadang untuk mewujudkan jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L48 di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan ia masih dalam penelitian agensi pusat. Sebagai langkah awal, Universiti telah pun mewujudkan Pejabat Hal Ehwal Perundangan dengan diketuai oleh Ketua Penolong Pendaftar Gred N44 yang mempunyai latar belakang perundangan bagi melicinkan segala urusan penasihat dan khidmat sokongan berkaitan perundangan kepada Pihak Pengurusan Universiti. Sementara menunggu keputusan daripada agensi pusat, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih bagi Jawatan Pengurusan dan Profesional Bil. 6/2010 bertarikh 22 November 2010, Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju untuk memperakarkan Pemangkuan Kerja jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L48 kepada mana-mana pegawai yang menyandang jawatan Pegawai Perundangan dan mengetuai Pejabat Hal Ehwal Perundangan Universiti sehingga waran jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L48 dimuktamadkan oleh agensi pusat. Sehubungan dengan itu, universiti telah bersetuju untuk melantik Encik Azhar bin Mohamed dari Pejabat Hal Ehwal Perundangan untuk memangku jawatan Pegawai Undang-Undang L48 dengan gelaran sebagai Penasihat Undang-Undang.

Berikut juga adalah staf bukan akademik yang telah dinaikkan pangkat :

Dr. Noor Raffidah binti Haron

PEGAWAI PERUBATAN GRED UD54

Puan Sabrina binti Abdullah

TIMBALAN BENDAHARI GRED W48

Encik Khairi Amri bin Mohamad

PEGAWAI KEWANGAN KANAN GRED W44

Nurhafidz bin Abdul Sahak

PEGAWAI SENI REKA KANAN GRED B44

Junaidah binti Kasim

Mohamad Yusof bin Mohd Dan

Mohd Nizam bin Mazlan

Syahira binti Mohd Adnan

KETUA PENOLONG PENDAFTAR GRED N44

Siti Saluwa binti Jamal

PUSTAKAWAN KANAN GRED S44

Noraini binti Zabidin

TIMBALAN BENDAHARI KANAN GRED W52

(Memangku)

Azizah binti Saban

TIMBALAN PENDAFTAR GRED N48

(Memangku)

STAF BUKAN AKADEMIK YANG DINAIKKAN PANGKAT MEI 2010 - DISEMBER 2010

TERAS

Jawatankuasa Pemilih Bagi Jawatan Sokongan

Bil. 11 /2010 telah bersetuju untuk kenaikan pangkat kepada staf yang berikut :

Mohamad Fuad bin Jaafar

Pen. Peg. Tadbir Kanan Gred N32

Azmi bin Zakaria

Juruteknik Kanan Gred J22

Norzam bin Sukari

**Pemandu Kenderaan
Kanan Gred R6**

Rosle bin Miskon

**Pekerja Awam Kanan
Gred R4**

Hamidon bin Yaacob

**Pen. Peg. Perubatan Kanan
Gred U32**

Mohd Rizal bin Roosli

**Juruteknik Kanan
Gred J22**

Mohd Razali bin Abu Zahar

**Pemandu Kenderaan
Kanan Gred R6**

Jaafar bin Lajis

**Juruteknik Tingkatan
Tertinggi Gred J26**

Mokhtar bin Murtuza

**Pemandu Kenderaan Kanan
Gred R6**

Rokman bin Shamsudin

**Pemandu Kenderaan Kanan
Gred R6(memangku)**

أوپیورسیتی تیکنیکال ملاکا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Faridah binti Hassan

Penyelia Asrama Kanan Gred N22

Assalamu'alaikum warahmatullah wabarakatuh,

Saya ingin merakamkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, dan mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga kepada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang telah memberikan kepercayaan kepada saya dan memberi peluang kepada saya untuk memegang jawatan penyelia asrama kanan bermula akhir 2010. Saya juga berterima kasih kepada rakan sejawat yang telah memberi sepenuh kerjasama dan penolong pengurus asrama dan pengurus asrama yang banyak membantu dalam memberi nasihat dan bimbingan.

‘ berterima kasih kepada rakan sejawat yang telah memberi sepenuh kerjasama dan penolong pengurus asrama dan pengurus asrama yang banyak membantu dalam memberi nasihat dan bimbingan. ’

Oleh : Masdzarif Bin Mahat

Apabila berbicara mengenai anjakan gaji , ianya tidak boleh lari daripada membincangkan perkara berkaitan seperti pengesahan perkhidmatan,

Penilaian Tahap

Kecekapan (PTK) dan penilaian prestasi

kerana ketiga-tiga perkara ini secara dasarnya akan menentukan pertimbangan dan kelulusan seseorang staf untuk mendapat anjakan gaji.

Walaubagaimanapun, pihak Kerajaan telah mengeluarkan pekeliling yang memansuhkan kaedah PTK ini di mana satu kaedah penilaian baru yang akan diperkenalkan bagi menggantikan PTK. Sehubungan dengan itu, sehingga kaedah tersebut diterimakan oleh universiti, maka bagi tujuan penerbitan buletin ini maka pihak editor mengekalkan perkara berkaitan PTK termasuk syarat-syarat yang masih lagi menggunakan PTK sebagai asas kepada sesuatu perkhidmatan yang berkaitan.

Anjakan Gaji ?

TERAS

Proses anjakan gaji adalah merupakan satu proses yang panjang dan memerlukan ketelitian serta keadilan yang sama rata berpandukan kepada peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa. Oleh yang demikian, adalah penting bagi staf untuk memahami secara keseluruhannya mengapa dan bagaimana proses dan kaedah anjakan gaji ini diberikan.

Bagi memudahkan pemahaman, seeloknya staf mengetahui latarbelakang pengesahan perkhidmatan, PTK dan penilaian prestasi kerana ketiga-tiga perkara ini amat berkait rapat di dalam pertimbangan pemberian anjakan gaji :

Pengesahan perkhidmatan

Satu proses yang menentukan sama ada seseorang staf layak untuk dipertimbangkan pengesahannya setelah melalui beberapa syarat-syarat sepertimana yang termaktub di dalam skim perkhidmatannya dan juga lain-lain syarat yang telah ditetapkan oleh universiti. Seseorang staf yang dilantik ke dalam perkhidmatan universiti perlu melalui tempoh perkhidmatan dalam percubaan antara satu hingga tiga tahun. Hanya setelah memenuhi beberapa syarat seperti yang telah ditetapkan, barulah Pihak Berkuasa universiti akan mempertimbangkan pengesahan perkhidmatan staf.

Staf telah disahkan perkhidmatan akan diberi pertimbangan untuk anjakan gaji jika telah memenuhi beberapa syarat, antaranya telah berkhidmat tidak kurang daripada tiga (3) tahun ke atas.

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Satu kaedah untuk menentukan pergerakan gaji tahunan dan kemajuan kerjaya staf dengan menggalakkan pembangunan diri staf melalui pembelajaran secara berterusan berteraskan kompetensi. Menerusi kaedah ini, tahap kompetensi seseorang staf akan diukurkan berdasarkan beberapa aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni staf melalui penyertaan secara kursus atau menduduki peperiksaan. Pengukuran tahap kompetensi staf ini akan dipantau dan dinilai kewajarannya dari masa ke semasa melalui beberapa jawatankuasa yang ditubuhkan dan dipantau oleh Lembaga Penilaian Kompetensi universiti.

Mana-mana staf yang mendapat keputusan PTK di Aras IV akan dipertimbangkan untuk anjakan gaji selain memenuhi beberapa syarat-syarat lain sepertimana yang dimaklumkan dibawah ini.

Penilaian Prestasi

Satu proses untuk menilai staf yang berada dalam hirarki jawatan sesebuah organisasi. Ia melibatkan penilaian staf atasan terhadap staf bawahan. Pendekatan ini dilaksanakan sekali setahun atau pun mengikut keperluan sesuatu organisasi. Elemen-elemen di dalam Sasaran Kerja Tahunan memberitahu apa yang patut dilakukan oleh staf, manakala sasaran yang telah dicapai memberitahu tahap pencapaian staf sama ada dikategorikan sebagai cemerlang, baik atau tidak memuaskan. Piawai atau sasaran yang telah ditentukan ini mestilah sejajar dengan objektif organisasi supaya ianya memberikan kesan atau impak yang membolehkan organisasi bergerak ke arah yang telah ditentukan oleh pihak pengurusan universiti.

BULETIN TERAS PEJABAT PENDAFTAR

Apakah yang dimaksudkan dengan Anjakan Gaji?

a. Pergerakan gaji daripada matagaji semasa ke matagaji di Tangga berikutnya pada satu Peringkat yang lebih tinggi.

Contoh : Gred gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) N17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6
P1	820.38	870.29	920.20	970.11	1020.02	1069.93
P2	871.81	923.24	974.67	1026.10	1077.53	1128.96

Bagi anggota yang berada di matagaji maksimum, Anjakan Gaji adalah pergerakan gaji daripada matagaji semasa ke matagaji di Tangga yang sama pada satu peringkat yang lebih tinggi.

Contoh : Gred gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) N17

	T21	T22	T23	T24
P1	1951.70	2018.25	2084.20	2151.35
P2	2063.76	2133.34	2202.92	2272.50

Bilangan Anjakan Gaji

Anjakan Gaji boleh berlaku dalam dua (2) keadaan iaitu AG di gred lantikan (gred bernombor ganjil seperti 1, 11, 17, 27, 29, 41, 45, 51 dan 53) dan AG digred kenaikan pangkat (gred bernombor genap seperti 4, 22, 32, 44, 48, 52 dan 54) seperti berikut :

- i. Staf yang berada dalam gred lantikan layak dipertimbangkan untuk mendapat dua (2) anjakan gaji iaitu anjakan gaji kali pertama dan anjakan gaji kali kedua memandangkan gred gaji untuk lantikan mempunyai tiga (3) peringkat gaji :

Contoh : Gred gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) N17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7
P1	820.38	870.29	920.20	970.11	1020.02	1069.93	1119.84
P2	871.81	923.24	974.67	1026.10	1077.53	1128.96	1180.39
P3	924.75	977.69	1030.63	1083.67	1136.51	1189.45	1242.39

- ii. Staf yang berada dalam gred kenaikan pangkat pula hanya layak untuk mendapat 1 (satu) kali pergerakan gaji kerana bagi gred kenaikan pangkat hanya terdapat dua (2) peringkat gaji sahaja.

Contoh : Gred Gaji Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian & Operasi) N22

	T1	T2	T3	T4
P1	1915.43	1981.98	2048.53	2115.08
P2	2057.61	2130.31	2202.81	2275.41

Syarat Mendapat Anjakan Gaji

UTeM telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 – Pelaksanaan Sistem Saran Malaysia dan juga penetapan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia UTeM. Berikut adalah syarat-syarat bagi pertimbangan dan pemberian AG di UTeM :

1. Anjakan Gaji kali pertama digred lantikan :

- Staf telah disahkan dalam perkhidmatan;
- Lulus Aras IV Penilaian Tahap Kecekapan pada Tahap Kecekapan (TK) yang ditetapkan mengikut gred hakiki perkhidmatan staf;
- Telah berkhidmat tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam perkhidmatan;
- Memperolehi markah penilaian prestasi yang baik (markah terkini) berdasarkan kepada markah purata universiti;
- Kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia, UTeM.

2. Anjakan Gaji kali kedua digred lantikan :

- Staf telah disahkan dalam perkhidmatan;
- Lulus Aras IV Penilaian Tahap Kecekapan pada Tahap Kecekapan (TK) yang ditetapkan mengikut gred hakiki perkhidmatan staf;
- Telah mendapat AG kali pertama tidak kurang daripada satu (1) tahun.

- Memperolehi markah penilaian prestasi yang baik (markah terkini) iaitu 85%;
- Kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia, UTeM.

3. Anjakan gaji digred kenaikan pangkat :

- Staf telah disahkan dalam perkhidmatan;
- Lulus Aras IV Penilaian Tahap Kecekapan pada Tahap Kecekapan (TK) yang ditetapkan mengikut gred hakiki perkhidmatan staf;
- Berada di gred kenaikan pangkat tidak kurang daripada satu (1) tahun;
- Memperolehi markah penilaian prestasi yang baik (markah terkini) iaitu 85%;
- Kelulusan Panel Pembangunan Sumber Manusia, UTeM.

Sistem Anjakan Gaji UTeM telah dilakukan penambahbaikan, di mana sebelum tahun 2009 markah penilaian prestasi bagi Anjakan Gaji kali pertama yang ditetapkan adalah 85%. Berbanding penetapannya mulai tahun 2009, markah purata Universiti dijadikan ukuran bagi menterjemahkan markah penilaian prestasi baik agar staf mendapat lebih peluang untuk menerima faedah tersebut.

Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan masih ada ruang pergerakan gaji. Anggota yang dikenakan hukuman tatatertib, tangguh pergerakan gaji atau turun gaji, tidak layak menerima Pergerakan Gaji Biasa atau Anjakan Gaji dalam tempoh hukuman tersebut.

Proses anjakan gaji

Proses Anjakan Gaji UTeM adalah seperti berikut :



- Menerima maklumat keputusan peperiksaan/ kursus PTK dari Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD), Pejabat Pendaftar
- Semakan syarat Anjakan Gaji bagi staf lulus PTK di Aras IV
- Penyediaan Kertas Kerja pemberian anjakan gaji staf
- Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- Surat anjakan gaji kepada staf;
- Pemakluman kepada Unit Gaji & Saraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia bagi tujuan arahan pembayaran .

(i) Pelaksanaan PTK adalah berbeza dengan pelaksanaan AG. AG merupakan salah satu kaedah dalam menentukan pergerakan gaji tahunan staf. Selaras dengan pelaksanaan Sistem Saran Malaysia (SSM) pada tahun 2003, pergerakan gaji secara statik mendatar, menegak dan melintang dimansuhkan dan digantikan melalui **dua (2) kaedah pergerakan gaji tahunan iaitu Pergerakan Gaji Biasa (PGB) dan Anjakan Gaji (AG) yang dilaksanakan setelah dinilai prestasi staf pada sesuatu tahun.** Justeru itu, hanya setelah selesainya pelaksanaan LPPT pada sesuatu tahun maka pada masa itu, staf yang didapati layak untuk dipertimbangkan AG akan diberi pergerakan gaji secara melintang dengan mengambilnya antaranya adalah markah penilaian prestasi yang dinilai pencapaianya untuk tahun sebelumnya;

(ii) Penawaran PTK dilaksanakan lebih dari sekali setahun adalah **bersandarkan kepada hasrat Kerajaan bagi memberi peluang kemajuan kerjaya yang lebih kepada staf.** Staf boleh merancang masa dan membuat persediaan sewajarnya dengan memilih tarikh-tarikh PTK yang ditawarkan bersesuaian dengan persediaan staf. Selain daripada itu, ia juga bertujuan untuk mengurangkan peratusan staf yang mengulang peperiksaan dengan alasan tidak cukup masa untuk mengulang kaji. Mesyuarat bagi membincang dan

mengesahkan keputusan PTK iaitu Lembaga Penilaian Kompetensi turut bersidang mengikut kekerapan PTK dilaksanakan.

(iii) **Untuk memberi keadilan kepada semua staf mendapatkan peluang yang sama rata.** Semua staf yang telah memenuhi syarat-syarat menduduki PTK pada sepanjang tahun semasa boleh memohon, dipertimbang dan seterusnya diluluskan untuk menduduki PTK pada tahun tersebut. Tidak ada keadilan bagi staf yang lulus Aras IV pada bulan Jun 2009 dan diberi Anjakan Gaji mengikut tarikh tersebut berbanding dengan staf yang hanya berpeluang, atas sebab-sebab tertentu sama ada atas sebab peribadi atau kepentingan perkhidmatan dihalang daripada menduduki PTK pada bulan Jun sebaliknya hanya dapat menduduki PTK pada bulan Ogos 2009 dan diberi AG pada bulan tersebut;

(iv) Anjakan Gaji (AG) tidak diberi secara automatik kepada staf yang mendapat keputusan PTK di Aras IV pada tahun yang diduduki. Ini kerana pemberian AG tertakluk kepada beberapa syarat-syarat lain yang mesti dipenuhi oleh staf sepetimana yang dimaklumkan di para di atas.

Soalan : Mengapa mesyuarat PPSM tidak diadakan dua (2) kali setahun ?

Jawapan : Mesyuarat PPSM diadakan sekurang-kurangnya setahun sekali bagi membincangkan pemberian Anjakan Gaji iaitu apabila selesainya pelaksanaan LPPT bagi tahun sebelumnya. Antara terma rujukan PPSM adalah :

- (i) Mempertimbang dan seterusnya meluluskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Universiti. Beberapa perkara diambil kira semasa pertimbangan LPPT ini dibuat antaranya peratusan markah prestasi secara keseluruhan berbanding dengan pencapaian tahunan, perbezaan markah prestasi antara PTj, perbezaan markah prestasi antara kumpulan staf di Universiti iaitu Pengurusan dan Profesional – Akademik dan Bukan Akademik dan Kumpulan Sokongan serta lain-lain perkara yang difikirkan menyumbang kepada pertimbangan PPSM;
- (ii) Mempertimbang dan meluluskan cadangan PTj bagi staf untuk mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Dalam konteks ini pihak PPSM akan meminta surat sokongan dan bukti atas pencapaian staf sebagai justifikasi untuk diberikan APC;
- (iii) Mempertimbang dan seterusnya meluluskan pemberian Anjakan Gaji tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Oleh yang demikian, AG hanya dapat diberi setelah selesainya pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LPPT) Universiti bagi tempoh sesuatu tahun, sebagai contoh bagi pemberian AG tahun 2010 maka LPPT tahun 2009 perlulah diambil kira. Pengurusan LPPT bagi setiap tahun akan berlangsung selama enam (6) bulan iaitu bermula daripada bulan September sehingga bulan April tahun berikutnya. Pekeliling berkaitan pelaksanaan LPPT ini akan dikeluarkan pada setiap tahun sebagai pemakluman kepada semua staf.

PECAH Kontrak

TERAS

Oleh : Erdalia Erna binti Daud

Skim ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran serta peningkatan kerjaya staf dengan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Doktor Falsafah).

Skim Cuti Belajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) adalah merupakan program latihan jangka panjang pembangunan staf yang tertumpu terutamanya kepada staf akademik. Skim ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran serta peningkatan kerjaya staf dengan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan (Sarjana dan Doktor Falsafah).

Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan dan Universiti khususnya untuk mencapai sekurang-kurangnya 60% staf akademik berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2015.


Sehubungan dengan itu bagi melicinkan proses staf cuti belajar, Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar bertanggungjawab dalam mengendalikan semua urusan cuti belajar staf akademik mulai daripada permohonan cuti belajar sehingga tamat pengajian.

Di bawah Skim ini, staf yang telah diluluskan cuti belajar akan dibiayai atau ditaja melalui peruntukan biasiswa Universiti, Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) atau lain-lain badan penajaan.

Staf yang diluluskan cuti belajar adalah dikenakan ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan UTeM atau dikenakan tuntutan gantirugi sekiranya melanggar syarat-syarat perjanjian. Staf juga tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 (Akta 605) dan lain-lain peraturan yang berkuat kuasa.

Tempoh cuti belajar tidak boleh diambil kira sebagai tempoh sedang berkhidmat bagi tujuan menyelesaikan tempoh ikatan perjanjian sebelumnya atau tempoh perkhidmatan wajib seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang melainkan dinyatakan sebaliknya.

Berikut adalah carta alir dan prosedur pengendalian kes pecah kontrak bermula dari penerimaan laporan atau permohonan pecah kontrak daripada staf sehingga keputusan perlanggaran kontrak diperoleh daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)



BULETIN TERAS PEJABAT PENDAFTAR

Bil.	Proses Kerja
1	<ul style="list-style-type: none"> i. Menerima laporan semakan data cuti belajar staf akademik yang gagal mengemukakan keputusan akhir pengijazahan program yang diikutinya; atau ii. Menerima laporan dari Dekan staf yang terlibat atau mana-mana pihak berkenaan penyelesaian kontrak cuti belajar oleh staf yang boleh menyebabkan bayaran ganti rugi oleh staf; atau iii. Menerima permohonan peletakan jawatan staf akademik yang masih terikat dengan ikatan kontrak cuti belajar.
2	<ul style="list-style-type: none"> i. Mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada Universiti pengajian staf berkenaan dengan status pengajian staf yang tidak tamat atau gagal; ii. Mendapatkan bukti bertulis daripada staf atau pihak-pihak yang terlibat seperti yang dinyatakan dalam laporan; iii. Menerima surat maklum balas pelepasan dengan izin atau meletak jawatan dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia.
3	<p>Hasil Semakan;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekiranya hasil semakan mendapati tiada kes pecah kontrak maka satu surat makluman akan dikeluarkan kepada pihak terlibat berkenaan hasil semakan; ii. Sekiranya hasil semakan mendapati terdapat kes pecah kontrak, maka terus ke langkah 4.
4	Menyediakan dan membentangkan kertas kerja pecah kontrak untuk perakuan Panel Cuti Belajar
5	<p>Keputusan Panel Cuti Belajar;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekiraya diperakukan oleh Panel Cuti Belajar untuk di bentangkan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), terus ke langkah 6 ii. Sekiranya tidak diperakukan oleh Panel Cuti Belajar, maka tindakan selanjutnya adalah berdasarkan kepada keputusan mesyuarat.
6	Mengemas kini kertas kerja dan menyerahkan kertas kerja kepada urus setia mesyuarat LPU.
7	Membentangkan kertas kerja di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan.
8	<p>Keputusan Mesyuarat LPU ;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Sekiranya LPU meluluskan usul sama ada dengan pindaan atau tidak, terus ke langkah 9; ii. Sekiranya LPU tidak meluluskan usul, maka kes dan keputusan mesyuarat LPU akan dibincangkan semula dalam Mesyuarat Panel Cuti Belajar.
9	<p>Hasil dari kelulusan LPU, satu surat pemakluman akan dikeluarkan kepada;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Staf yang terlibat ii. Ketua Jabatan / Dekan iii. Pejabat Hal Ehwal Perundangan, Canselori iv. Pejabat Bendahari bagi tujuan penerimaan bayaran ganti rugi v. Penjamin-penjamin sebagai menanggung bersama bayaran ganti rugi

UTeM : THE INTERNATIONAL DESTINATION FOR HIGHER TECHNICAL EDUCATION

TERAS

Malaysia's aspired global excellence requires a relevant and competitive higher education system able to churn out graduates who in turn will contribute to the nation's wealth and development. A higher education system that is recognised internationally will ensure supplies of quality graduates and committed human resources to develop the nation. It should be able to attract more international students thus resulting in a more competitive and enriched multi culture learning experience for the students.

According to the National Higher Education Strategic Plan, the government aims to increase the number of international students at public, private institutions and international schools until 100,000 students in 2010. National statistics shows that international student enrolment in institutions of higher learning has increased from 27,872 Malaysian students in 2002 to 44,390

students in 2006 or 4.9 per cent. However, this number is still small compared to countries like United Kingdom (12%), Australia (7.88%) and France (8.17%). Therefore, in order to realise the government's objective, the Academic Management Division is now readying itself to take on the challenges to increase the number of international student intake/ enrolment. With the support from the Deputy Vice Chancellor (Academic & International), demarcation of tasks was determined whereby the Division is responsible to process the applications until the issuance of the offer letter and upon enrolment, provide academic services whereas the

International Office handles their orientation programme and takes care of their passport/ visa, welfare and needs.

As of Semester II 2009/ 2010, there are 19 international students enrolled for various programmes under different faculties as shown in Table I below:

Table I

FACULTY	COUNTRY		TOTAL
	INDONESIA	TANZANIA	
Faculty of Electrical Engineering (FKE)	1	0	1
Faculty of Electronic & Computer Engineering (FKEKK)	0	1	1
Faculty of Manufacturing Engineering (FKP)	0	0	0
Faculty of Mechanical Engineering (FKM)	1	0	1
Faculty of Information & Communication Engineering (FTMK)	16	0	16
Faculty of Technology Management and Technopreneurship (FPTT)	0	0	0
TOTAL	18	1	19

The academic session for 2010/ 2011 had seen a sharp increase in the number of applications from international students. UTeM received a total of 84 international student applications from various countries. 75 of them have been accepted and offered to study in the various programmes in UTeM. On June 28, 2010, the Division received 35 international students where 25 students enrolled for the Bachelor programme, while the rest are to follow an Intensive English Language Programme (IELP) as prerequisite for entering the Bachelor programme next year. The number of intake in 2010/ 2011 session is as shown in Table II (a & b) below:

Table II (a)

IELP Programme

FACULTY	COURSE/PROGRAMME	COUNTRY			TOTAL
		INDONESIA	YEMEN	SOMALIA	
Centre for Language and Human Development (PBPI)	Intensive English Language Programme (IELP)	3	1	6	10

Table II (b)

Bachelor Programme

FACULTY	COUNTRY						TOTAL
	INDONESIA	YEMEN	SOMALIA	PALESTINE	JORDAN	ERITREA	
Faculty of Electrical Engineering (FKE)	0	5	0	0	0	0	5
Faculty of Electronic & Computer Engineering (FKEKK)	0	5	0	1	0	1	7
Faculty of Manufacturing Engineering (FKP)	0	0	0	0	1	0	1
Faculty of Mechanical Engineering (FKM)	0	3	0	0	0	0	3
Faculty of Information & Communication Engineering (FTMK)	4	3	0	0	0	0	7
Faculty of Technology Management and Technopreneurship (FPTT)	0	1	1	0	0	0	2
TOTAL	4	17	1	1	1	1	25

International student application for Bachelor programme is open throughout the year. However, interested students are advised to submit their application earlier not later than the 1st April in order to be processed for the current academic year intake. An application form can be downloaded from UTeM's website www.utem.edu.my or by calling at the Division during office hours. The completed form must be submitted to the Academic Management Division along with copies of certificates/academic transcripts, English language certificates (if any), passport copies (every page), two recent photographs (passport size) and copy of Bank Guarantee or sponsorship letter. If the application is supported by the Faculty, the Division will present the proposal to the Senate Standing Committee on Student Admissions and finally to the Senate for approval.

There are various facilities provided for international students and that includes accommodation with amenities to suit them. Male students are placed at the Emerald Residential College, while female students at the Bunga Raya Residential College. The hostel is comfortable, equipped with air conditioners and basic furnitures all at a reasonable cost/fee. Overall, an average cost of international student life in UTeM is low because most of them live in the University residential colleges and in areas near the University. Similarly, living outside the residential college costs are also quite cheap since there are many apartments/ rented houses available near the campus area. Transportation is also provided for their convenience of commuting to the main campus. The University has also set up the International Office; provide venues for international student associations, health facilities (University's clinic/ panel), academic facilities (library/ resource centre, computer lab, wireless internet etc.), sports and recreation facilities (sports field, gymnasium) and many more. For future plans, this Division is now taking steps to strengthen the intake process by setting up an online application and translating academic policies/ forms into English language.

UTeM has created a lively and interactive multi-ethnic, multi-culture and multi-religion campus environment right here in our Durian Tunggal and its nearby localities by the presence of international students from various countries. Not only can these international students interact with the three major ethnic races i.e. Malay, Chinese and Indians as well as the other minority groups, they also get first hand experience on tolerancy and unity, being pillars of our multiracial country.

UTeM is now moving fast in an era of global education for the pursuit of knowledge knows no boundary. Higher education opportunities are now open for international students pursuant to the Government's objective of making Malaysia an international education hub comparable to other developed countries. With quality education and facilities (present and planned) at par to other universities in and outside the country, many students shall perceive that UTeM is the best choice. This Division is glad to have them with us and wishes them 'SELAMAT DATANG'.



Tinfo

BAHAGIAN KESEJAHTERAAN PERSONEL

TERAS

Bahagian Kesejahteraan Personel (BKPs) adalah satu bahagian di Pejabat Pendaftar yang menyediakan perkhidmatan membantu staf untuk berkembang secara sihat dan positif sebagai pekerja yang stabil dari semua aspek diri ke arah melahirkan pekerja yang cemerlang. BKPs menyediakan perkhidmatan khas untuk warga kerja UTeM merangkumi tiga aspek terpenting iaitu Pencegahan, Perkembangan dan Pertumbuhan, serta Pemulihan dan Intervensi.

Oleh : Muhamad Hazrul Bin Md Esa

AKTIVITI PENCEGAHAN

Aktiviti pencegahan meliputi program kesedaran dan pembentukan perlakuan positif serta peningkatan kemahiran mendepani isu atau permasalahan yang dihadapi. Aktiviti pencegahan ini dilaksana kan melalui 2 kaedah iaitu kaedah perbincangan bersama kaunselor dan perkongsian dalam program anjuran BKPs. Perkongsian dalam program dilaksanakan melalui Program Motivasi Bulanan yang telah dan akan dijalankan pada setiap bulan. Motivasi Bulanan bertajuk 'Rileks La.' (Pengurusan Tekanan) dan 'Jom Borak' (Komunikasi Berkesan) telah diadakan di Auditorium Canselori pada bulan November dan Disember 2010. Antara isu perbincangan yang diambilkira dalam aktiviti pencegahan ialah:



Pengurusan Tekanan

Pengurusan Marah

Pengurusan Masa

Motivasi



AKTIVITI PERKEMBANGAN DAN PERTUMBUHAN

Aktiviti perkembangan dan pertumbuhan pula meliputi aktiviti yang memberi maklumat tentang potensi dan kekuatan individu ke arah membina azam serta membudayakan aktiviti sihat, peningkatan sifat diri positif dan memperbaiki kualiti hidup. Antara program-program yang dijalankan adalah seperti:

Bengkel Kendiri Katarsis Ke Arah Persekitaran Terapeutik

Kendiri katarsis bermaksud keadaan diri individu yang stabil dari aspek emosi dan pemikiran. Persekitaran terapeutik pula membawa erti persekitaran yang tenang, mesra, ceria dan harmoni. Bengkel ini akan menerapkan nilai-nilai diri katarsis ke dalam diri peserta demi untuk mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis.



Bengkel Kenali Diri Melalui Ujian Psikologi

Bengkel ini dijalankan untuk memberi peluang kepada staf atau peserta untuk lebih mengenali diri masing-masing dengan menggunakan kaedah ujian psikologi. Dua ujian yang digunakan iaitu Inventori Personaliti Eysenck dan Inventori Personaliti Warna. Ujian-ujian iai akan menilai personaliti diri individu berdasarkan aspek-aspek seperti ciri-ciri, nilai atau sikap, kekuatan dan kelemahan, kestabilan emosi serta introversi atau ekstroversi diri.

**Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) bagi pentaualihan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)**

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) merupakan satu pertubuhan yang diwujudkan oleh Bahagian Perkhidmatan Psikologi (BPPs) Jabatan Perkhidmatan Awam. AKRAB ini berfungsi sebagai duta kecil atau pembantu kaunselor dan bertindak menjadi mentor ataupun pembimbing rakan sekerja di pejabat masing-masing. Justeru, Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling dijalankan kepada staf yang terpilih berdasarkan kriteria BPPs untuk diterapkan dengan kemahiran kaunseling serta ciri-ciri pembimbing yang baik. Dua modul PPKK yang dijalankan akan menilai kesesuaian staf terbabit untuk dilantik sebagai AKRAB seterusnya berperanan mewujudkan suasana serta perhubungan baik di dalam pejabat.

**AKTIVITI PEMULIHAN DAN INTERVENSI****UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Memberikan perkhidmatan proses merawat dengan memberi penekanan untuk mengubah dan membuka pemikiran, menstabil emosi serta menilai dan melatih perlakuan baru melalui kaedah-kaedah tepat agar staf dapat berfungsi sebagai individu yang stabil. Perkhidmatan yang disediakan bagi aktiviti pemulihan dan intervensi ialah sesi kaunseling individu dan kaunseling kelompok, secara sukarela ataupun kes-kes dirujuk.

STRESS!! Kecewa... keLiRu Sedih

Temui Pegawai Psikologi / Kaunselor Berdaftar anda :

**MUHAMAD HAZRUL BIN MD ESA K.B, P.A
No. Pendaftaran : 01847**

**KEMUDAHAN DI BKPs**

Satu ruang khas dikenali sebagai Ruang Warga Sejahtera yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan sesuai dalam menyediakan perkhidmatan kepada staf ke arah mewujudkan suasana katarsias dan terapeutik. Antara peralatan yang disediakan adalah :



"Punching Bag"



"Kerusi Urut OSIM"

KESELAMATAN

Oleh : Mohd Kuizwa Bin Mohd Johari

PANDUAN MENGELAKKAN KEMALANGAN JALAN RAYA DI LUAR DAN DI DALAM KAMPUS

Kemalangan jalan raya kebiasaannya berkait rapat dengan sikap pengguna jalan raya yang tidak mengambil berat tentang masalah keselamatan penumpang dan pengguna jalan raya yang lain. Kebanyakan kes kemalangan jalan raya berpunca daripada kecuaian pemandu kenderaan itu sendiri dan jarang disebabkan oleh faktor-faktor lain. "Seandainya" setiap pemandu itu berhati-hati ketika memandu maka kemalangan jalan raya mungkin dapat dikurangkan.

Antara punca-punca kemalangan jalan raya adalah:

- sikap pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan jalan raya.
- memandu dalam keadaan mengantuk atau mabuk.
- sikap suka berlumba dan terlibat dalam lumba haram.
- keadaan jalan raya yang sibuk terutamanya pada musim perayaan.
- kenderaan yang tidak diperiksa dan dijaga dengan baik.
- keadaan / sistem jalan raya kurang baik.
- kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang dijalankan.

Berikut merupakan kesan-kesan kemalangan jalan raya:

- banyak nyawa terkorban / mengakibatkan kecederaan dan hilang keupayaan
- banyak harta benda yang musnah – melibatkan kerugian kepada pengguna dan kerajaan
- menjejaskan ekonomi negara – negara terpaksa menaik taraf jalan raya,
- pelancong bimbang untuk datang ke negara kita
- menjejaskan imej negara di kalangan masyarakat antarabangsa


Bahagian Keselamatan telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menguatkuasakan semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan di dalam parameter kampus selain daripada mengawal keselamatan lalulintas.

Penguatkuasaan peraturan dan undang-undang jalan raya yang dilaksanakan di dalam kampus adalah sama seperti yang diguna pakai di luar iaitu mengikut peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Di UTeM, Unit Trafik, Bahagian Keselamatan telah dipertanggungjawabkan untuk memantau dan menguatkuasakan semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan di dalam parameter kampus selain daripada mengawal keselamatan lalulintas.

Pengguna-pengguna jalan raya di dalam kampus dikehendaki memenuhi segala kaedah dan peraturan lalulintas jalan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa. Pengguna juga harus mematuhi papan tanda lalulintas dan arahan yang diberikan oleh pengawal Keselamatan bertugas.

- Biasakan diri dengan membuat pemeriksaan kepada keadaan keselamatan kenderaan sebelum memulakan perjalanan. Sebagai contoh, periksa semua lampu berfungsi atau tidak, keadaan corak bunga tayar masih elok dan tekanan angin yang mencukupi, periksa semua minyak-minyak di bahagian enjin kenderaan mencukupi dan yang paling penting pastikan brek kenderaan berfungsi dengan baik.




- Sentiasa memakai tali pinggang keledar ketika memandu. Kepada penunggang motorsikal pastikan topi keledar dipakai dan diikat dengan betul.
- Jangan memandu melebihi had laju, patuhi dan sentiasakekalkan pemanduan pada had kelajuan yang dibenarkan dalam apa juga keadaan. Untuk makluman, had kelajuan di dalam kampus adalah 60km/j.
- Sentiasa mengekalkan jarak yang selamat di antara kenderaan anda dengan kenderaan yang berada di hadapan anda.
- Memandu dalam keadaan cuaca buruk terutama ketika keadaan hujan lebat amatlah sukar dan berbahaya, pasangkan lampu kenderaan supaya kenderaan di hadapan dan di belakang dapat melihat dan pandulah dengan kelajuan yang sesuai dengan keadaan berkenaan.
- Jangan biarkan emosi menguasai gaya pemanduan anda kerana boleh menyebabkan kecelakaan. Awasi emosi anda semasa memandu.
- Elakkan memandu jika di dalam keadaan yang letih. Jika keletihan berhentikan kenderaan di kawasan yang dibenarkan dan berehat secukupnya sebelum menyambung semula pemanduan. Jika anda ingin mengubah lorong, berikan lampu signal.


Oleh kerana masalah salah laku jalan raya merupakan satu masalah sikap, maka pendidikan memainkan peranan yang terpenting untuk membentuk sikap pengguna yang menjadi lebih baik dan sekali gus mengelakkan berlakunya salah laku jalan raya. Untuk tujuan mengurangkan masalah tersebut, pengguna seharusnya dididik supaya mempunyai kesedaran keselamatan dan juga mempunyai sahsiah diri yang betul sebagai seorang pengguna.

Oleh itu diharapkan agar setiap individu menyedari betapa pentingnya berhemah semasa memandu di jalan raya. Akhir sekali, pengguna jalan raya disaran supaya lebih berbudi bahasa dan sentiasa mengelakkan diri daripada terlibat dalam salah laku jalan raya.

Nombor telefon penting semasa kecemasan

BIL	RUJUKAN	NO TELEFON
1.	Polis, Bomba, Ambulan	999
2.	Bilik Kawalan Bahagian Keselamatan UTeM	06-3316362 – 24 jam
3.	Balai Polis Kesang Pajak	06-5291299
4.	Balai Polis Durian Tunggal	06-5531122
5.	Balai Polis Ayer Keroh	06-2321222





Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Maka dengan itu, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) telah diwujudkan bagi tujuan untuk menggalakkan budaya inovatif dan kreatif serta memberi peluang kepada anggota Perkhidmatan Awam untuk menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri.

Sejajar dengan perubahan dan keperluan semasa, Kumpulan Meningkat Mutu Kerja (KMK) telah diubah kepada Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK). Perbezaan antara KMK dan KIK adalah ianya memberi peluang kepada lebih ramai kakitangan awam untuk bersama-sama menyumbang idea yang berasas bagi menambahbaik atau menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan dan teknikal. Keahlian KIK tidak hanya terhad di kalangan anggota kumpulan sokongan dalam satu bahagian sahaja tetapi ia meliputi semua peringkat anggota dan boleh merentasi pelbagai bahagian dalam organisasi berkenaan.

Inovasi adalah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan manakala kreatif adalah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru.

Dengan berlandaskan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bilangan 7/2010 dan selaras dengan Pelan Strategik Universiti 2009-2010, kumpulan KIK telah ditubuhkan yang dikendalikan oleh Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar selaku sekretariat.

Sehubungan dengan itu, buat julung-julung kalinya satu Program Persembahan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Universiti telah diadakan pada 18 Oktober 2010 bertempat di Auditorium Canselor, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

TUJUAN

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Pemandu KIK UTeM bagi cadangan projek yang telah dibentangkan sebelum ianya boleh dilaksanakan. Program ini bukan sekadar memberi fokus terhadap pembentangan projek namun ianya juga secara tidak langsung dapat membuka minda staf dan menggalakkan staf berfikir di luar kotak yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan minda kelas pertama.

Penilaian terhadap cadangan projek yang dikemukakan oleh kumpulan KIK UTeM pada majlis tersebut telah diadili oleh Jawatankuasa Pemandu UTeM yang terdiri daripada Encik Hasan bin Sirun, Pendaftar, Encik Khairul bin Taib, Bendahari, Puan Hajah Noraida binti Attan, Pengarah Pejabat Pembangunan, Prof. Madya Dr. Zulkiflie bin Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik, dan Prof. Madya Dr. Burairah bin Husin, Timbalan Dekan (A) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

**“KREATIVITI DAN INOVASI
MENJANA KOMPETENSI BERTERUSAN”**

Oleh : Wan Nazrul Shukri Bin Kamarul Baharin

Sebanyak 14 Kumpulan telah membentangkan Cadangan Projek iaitu 4 Kumpulan Teknikal dan 10 Kumpulan Pengurusan seperti berikut;

KATEGORI PENGURUSAN

Nama Kumpulan	Tajuk Projek	Pusat Tanggungjawab
Idea	Kehadiran Pengguna Yang Kurang Di Perpustakaan	Pejabat Perpustakaan
Fastive	Proses Memuat Naik Bahan Koleksi Khas PSM (2007) ke portal Perpustakaan Dapat dipertingkatkan	Pejabat Perpustakaan
Aspirasi	Menggalakkan Peminjaman Bahan (Rak Terbuka) Yang Tidak Pernah Dipinjam Oleh Pengguna Perpustakaan)	Pejabat Perpustakaan
P-Dimensi	Terlalu Banyak Surat Yang Perlu Disediakan Bagi Tujuan Pemberitahuan Perubahan "Penyata Perubahan Pendapatan"	Pejabat Pendaftar
Prisma	Meningkatkan Kecemerlangan Perkhidmatan Kaunter	Pejabat Perpustakaan
Jitu (G2)	Meningkatkan Jumlah Peminjaman Bahan Perpustakaan Di Kalangan Staf Akademik	Pejabat Perpustakaan
L-Care	Meningkatkan Kadar Pengeluaran Bahan Dengan Sifar Kesilapan Semasa Penghantaran Bahan Ke Unit Sirkulasi	Pejabat Perpustakaan
Global	Kehilangan Majalah Popular Setelah Disusun Di Rak Majalah Kini	Pejabat Perpustakaan
Strategi	Kesukaran Mendapatkan Semula Dokumen Atau Surat	Pejabat Perpustakaan
X-Ten	Kelewatan Penghantaran Progress Report Staf Cuti Belajar Ke Bahagian Cuti Belajar	Pejabat Pendaftar

KATEGORI TEKNIKAL

Cybercorp	Sistem Pengurusan Manual Korporat Universiti	Pusat Komputer
E.com	Kesukaran Mengetahui Dokumen Di Peti Surat	Fakulti Kejuruteraan Elektronik Dan Kejuruteraan Elektrik (FKEKK)
Pro-Evolution	"Calling Tower"	Pejabat Bendahari
De Vo	Kesukaran Membawa Peralatan Menggunakan Motosikal Untuk Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan	Pejabat Pembangunan;



Kepada staf atau kumpulan yang berminat untuk menyertai Kumpulan KIK ini, sila hubungi **Puan Siti Rahimah binti Ab Rahaman**, Unit Kualiti dan Inovasi Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan di talian 06-331 6299 untuk maklumat lanjut.

Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) adalah hasil cetusan idea Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusuf Bin Hassan, Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Program ini direka bentuk selaras dengan intipati perutusan Naib Canselor yang telah diadakan pada 29 Januari 2010 dengan tema "Inovasi Pemacu Kegemilangan Pembangunan Lestari" yang mengajak warga Universiti sentiasa berubah ke hadapan (business unusual) proaktif untuk terus relevan membudayakan kerja berprestasi tinggi, inovatif dan kreatif seterusnya mewujudkan kecemerlangan dan kegemilangan dengan memahami kedudukan semasa, menjelaskan hala tuju, menyenaraikan agenda utama dengan pendekatan strategik untuk menjana perubahan bersama. PINTAR dibangunkan bagi memenuhi keperluan Pelan Strategik Universiti yang berhasrat melakukan usaha untuk mentranformasikan keunggulan jati diri sumber manusia menerusi program-program latihan yang membangunkan sinergi dan kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual secara bersepada.

PINTAR memfokuskan kepada matlamat untuk mengukuhkan penghayatan misi, visi dan Pelan Strategik universiti, memantapkan kepimpinan dan kerja berpasukan dan mengukuhkan nilai dan budaya kerja cemerlang dikalangan warga universiti. Inovasi Pemacu Kegemilangan dan Tranformasi Melalui Kepimpinan Berpasukan telah dijadikan tema PINTAR.

Inovasi dipilih sebagai perkara dasar dalam pembangunan lestari oleh Y.Bhg Datuk Naib Canselor

kerana inovasi mendasarkan kepada idea baru untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti atau kebolehan membuat pembaharuan atau mengubahsuai sesuatu menjadikannya lebih baik, berkualiti dan bernilai komersial. Ianya juga seiring dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam bil. 3 tahun 1991 yang mendefinisikan inovasi sebagai Perubahan dalam bentuk pengenalan teknologi baru, perubahan prosedur yang menjimat tenaga, masa dan kos dengan meningkatkan penghasilan kerja.

Program PINTAR dicetuskan melalui pengalaman Y.Bhg. Datuk Naib Canselor di atas kejayaan program PIMPIN yang dilaksanakan di Universiti Sains Malaysia. Melalui PIMPIN, warga USM telah dapat membudayakan suasana kerja berpasukan berlandaskan rasa hormat menghormati antara satu sama lain tanpa mengira hirarki bidang kuasa dan peranan dimana masing-masing bertanggungjawab memastikan objektif universiti dicapai.

Berlandaskan hasrat agar seluruh warga universiti membudayakan inovasi dan kreativiti dalam merangka perancangan dan tugas sehari-hari, maka program PINTAR dilaksanakan di UTeM dengan melantik konsultan yang berpengalaman dalam mereka bentuk modul dan aktiviti-aktiviti sejarah dengan matlamat universiti dengan mengambil kira keadaan dan suasana semasa. Konsultan yang sama juga telah mereka bentuk modul PIMPIN dan telah dilanjut laksana oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia USM dengan beberapa penambahbaikan agar selaras dengan perubahan semasa.

PROGRAM INTEGRASI INSAN TERBILANG (PINTAR): Inovasi Pemacu Kegemilangan dan Tranformasi Melalui Kepimpinan Berpasukan

Oleh : Misdom Bin Lan

Modul PINTAR siri terdahulu menggunakan kaedah *Logical Framework Approach* (LFA) dimana peserta dari gred kumpulan yang sama digabung untuk mengenal pasti dan menyelesaikan punca masalah, manakala modul PINTAR kali ini disusun untuk mengajak warga UTeM lebih menghayati dan memahami hala tuju universiti disamping tidak mengeneppikan konsep kerja berpasukan tanpa mengira hirarki peranan dan tanggungjawab. Peserta PINTAR adalah terdiri daripada seluruh warga kerja sesebuah PTj. Pendekatan ini dipilih dengan hasrat agar gabungan idea diperingkat pengurusan dan operasi di sesebuah PTj dapat dijanakan bersama dalam suasana keterbukaan bagi mewujudkan perasaan **hormat, menghormati dan dihormati** bagi memastikan objektif dapat direalisasikan dengan lebih berkesan seterusnya menyumbang kepada pencapaian objektif universiti.

Melalui PINTAR ini, Y.Bhg. Datuk Naib Canselor berharap agar seluruh warga universiti bersama-sama menghayati dan memahami matlamat yang telah dilaraskan dengan masing-masing memainkan peranan berdasarkan kepada bidang kuasa dan tugas yang telah diamanahkan. PINTAR adalah salah satu mekanisma yang cuba diketengahkan untuk mengajak warga UTeM menjawai dan mempunyai "sense of belonging" terhadap universiti. Tanpa kerjasama dari seluruh warga universiti, maka agak sukar visi dan misi universiti dapat dicapai seperti mana yang diharapkan.

Justeru itu, modul PINTAR direka bantuk dan disusun dengan harapan seluruh warga mendapat faedah daripadanya. PINTAR dibangunkan berdasarkan kaedah

Pembelajaran Melalui Pengalaman (*Experimental Learning*) dan semua gerak kerja dibuat secara berpasukan. Terdapat 3 teras utama yang diberi penekanan kepada setiap peserta program iaitu aspek Pembangunan Rohani melalui Kuliah Maghrib dan Kuliah Subuh, Pembangunan Akal melalui aktiviti di dalam dan luar dewan dan Pembangunan Jasmani melalui aktiviti sihat cergas dan aktiviti outdoors iaitu melalui aktiviti berakit.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan disusun adalah merujuk kepada latar belakang PTj (kumpulan peserta) dan melalui kajian pengenalan kepada kumpulan kecil yang mewakili PTj berkenaan. Setiap aktiviti yang dilaksanakan akan diulas oleh penceramah dengan mengaitkan keperluan dan keadaan sebenar di tempat kerja. Penceramah menjadikan intipati Perutusan Naib Canselor tahun 2010 sebagai sebahagian daripada modul pengajaran dan pembelajaran agar program yang dilaksanakan seiring dengan keperluan dan hala tuju universiti.

Y.Bhg Datuk Naib Canselor amat komited dan menaruh harapan yang tinggi terhadap PINTAR dan menjadikannya sandaran untuk mengajak warga universiti menjadikan inovasi sebagai pemacu kegemilangan dan tranformasi melalui kerja berpasukan. Harapan yang tinggi ini diterjemahkan melalui kesediaan Y.Bhg Datuk hadir bersama-sama dengan warga setiap PTj yang mengikuti PINTAR dan mengikuti setiap sesi program yang telah dijadualkan serta menjemput setiap peserta melalui surat yang ditandatanginya.

Sebagai langkah permulaan, PINTAR telah dikendalikan oleh NF Team Learning Consultancy dengan dibantu Fasilitator dalaman Universiti yang terdiri daripada:

- Prof. Dr.Mohd Taib Bin Hj.Dora
- Encik Mohd Isa Bin Mohd Dom
- Dr. Syed Najmuddin Bin Syed Hassan

BULETIN TERAS PEJABAT PENDAFTAR

- Prof. Madya Ahmad Rozelan Bin Yunus
- Encik Kamarudin Bin Abu Bakar
- Encik Azhar Bin Mohamed

Kehadiran fasilitator UTYeM pada setiap program ini juga merupakan satu inisiatif murni untuk mendapatkan gambaran dan kaedah perlaksanaan terbaik PINTAR untuk kesinambungan perlaksanaannya apabila program ini dikendalikan sepenuhnya oleh fasilitator UTeM kelak.

Bagi memastikan PINTAR dilaksanakan sejajar dengan aspirasi yang telah ditetapkan dan memenuhi objektifnya serta keperluan universiti, Panel Kompetensi telah hadir untuk membuat pemantauan terhadap pengisian program-program yang disediakan pada setiap PINTAR yang dilaksanakan. Panel Kompetensi terdiri daripada:

- Encik Hasan bin Sirun
Pendaftar
- Encik Khairul bin Taib
Bendahari
- Y.Bhg Prof. Dr. Sharin bin Sahib@ Sahibuddin
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
- Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff
Pengarah, Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat


Sehingga bulan November 2010, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan sebanyak 6 siri Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR). Program ni telah dianjurkan pada tarikh-tarikh seperti berikut:


Jadual 1 : Senarai PTj yang telah menyertai PINTAR sehingga November 2010

Bil.	Tarikh	Pusat Tanggungjawab	Bilangan Peserta
1.	16 hingga 18 April 2010	Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni	85
2.	21 hingga 23 Mei 2010	Pejabat Bendahari	64
3.	25 hingga 27 Jun 2010	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	99
4.	23 hingga 25 Julai 2010	Pejabat Pembangunan	113
5.	15 hingga 17 Oktober 2010	Canselori	99
6.	12 hingga 14 November 2010	Pejabat Pendaftar	102
JUMLAH BESAR			562

Jadual 2 : Jumlah kehadiran peserta mengikut PTj ke PINTAR sehingga November 2010

Pusat Tanggungjawab	Jumlah Peserta	Hadir	Tidak Hadir
Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)	97	85	12
Pejabat Bendahari (BEND)	67	64	3
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	114	99	15
Pejabat Pembangunan (PEMB)	125	113	12
Pejabat Canselori (CANS)	112	99	13
Pejabat Pendaftar (PEND)	122	102	20
JUMLAH BESAR	637	562	75





PENILAIAN PROGRAM

Di akhir program, setiap peserta telah diminta untuk mengisi Borang Penilaian Latihan. Penilaian Program adalah berdasarkan kepada empat (4) perkara utama iaitu:

1. Tempat program diadakan (Bilik Penginapan, Makanan dan ruang pembelajaran),
2. Keseluruhan Program (Penceramah, Aktiviti dalam dewan dan aktiviti luar dewan),
3. Kesediaan untuk mengikuti PINTAR dimasa akan datang; dan
4. Kesediaan mencadangkan rakan untuk mengikuti PINTAR.

Maklum balas adalah berdasarkan setuju atau tidak (Ya/Tidak) dan berikut adalah dapatan daripada maklum balas yang diterima dari peserta.

Jadual 1: Kepuasan peserta dengan tempat program dijalankan.

BIL.	PERKARA	HEPA	BEND	FKP	PEMB	CANS	PEND
	Bilik Penginapan	98.0%	96.7%	85.9%	90.6%	98.5%	97.4%
	Makanan	63.0%	96.7%	75.0%	90.6%	64.6%	64.1%
	Ruang Pembelajaran	99.0%	98.3%	92.0%	92.0%	95.5%	93.5%

Jadual 2: Kepuasan peserta kepada keseluruhan program ini.

BIL.	PERKARA	HEPA	BEND	FKP	PEMB	CANS	PEND
	Penceramah	96.0%	98.3%	96.8%	88.0%	95.5%	85.8%
	Aktiviti Dalam Dewan	86.0%	98.3%	100.0%	86.7%	95.5%	89.7%
	Aktiviti Luar Dewan	90.0%	98.3%	95.3%	97.3%	95.5%	97.4%

Jadual 3: Minat peserta untuk mengikuti PINTAR jika diberi peluang.

PUSAT TANGGUNGJAWAB		YA	TIDAK
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR		83.0%	17.0%
PEJABAT BENDAHARI		100.0%	0.0%
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN		85.9%	14.1%
PEJABAT PEMBANGUNAN		83.0%	17.0%
PEJABAT CANSELORI		88.0%	12.0%
PEJABAT PENDAFTAR		80.7%	19.3%

4: Hasrat peserta untuk mencadangkan rakan anda untuk mengikuti PINTAR

PUSAT TANGGUNGJAWAB		YA	TIDAK
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR		83.0%	17.0%
PEJABAT BENDAHARI		100.0%	0.0%
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN		85.9%	14.1%
PEJABAT PEMBANGUNAN		83.0%	17.0%
PEJABAT CANSELORI		94.0%	16.0%
PEJABAT PENDAFTAR		84.6%	15.4%

Pejabat Pendaftar telah mendapat maklum balas yang amat baik daripada peserta-peserta yang telah berpeluang mengikuti PINTAR siri 1 dan 2 yang telah diadakan pada bulan April dan Mei 2010. Melalui maklum balas yang diterima, hampir seratus peratus (100%) berpuas hati dengan modul program yang disediakan dan ianya agak berbeza dengan program-program seumpamanya yang pernah disertai. Berdasarkan kepada maklum balas yang menggalakkan dari PTj dan peserta, Pejabat Pendaftar amat komited untuk menjadikan PINTAR sebagai program MESTI dimana ianya akan diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan agar semua PTj dapat mengikuti dan merasai keunikan modul yang disediakan seterusnya dapat diaplakasikan dalam suasana kerja yang sebenar. Program tiga (3) hari dua (2) malam ini pastinya akan memberikan impak yang positif kepada setiap peserta sekiranya ianya diikuti dengan menghayati pengisian yang disediakan dengan sikap keterbukaan.



"Satu program yang baik dalam konteks *interpersonal relationship* di kalangan staf organisasi. Perlunya penambahbaikan serta diperhalusi modul-modul terlibat demi memastikan objektif tercapai."

Hazrul Md Esa - Pegawai Psikologi



"Modul pintar ini amat wajar dihayati kerana ia memfokuskan pengukuhan semula jatidiri dikalangan staf ketika era globalisasi disamping mengaplikasikan budaya kerja kreatif dan inovatif tanpa membelaikan aspek nilai-nilai murni."

Saiful Anuar Bin Mohamad - Pembantu Tadbir

Oleh
HASAN BIN SALEH
RAFEDAH BINTI SAJADI



Kemudahan pengangkutan kapal terbang merupakan salah satu daripada kemudahan pengangkutan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada staf yang layak bagi mempercepatkan dan memendekkan jarak perjalanan ke sesuatu destinasi yang dituju. Dengan adanya kemudahan ini ia telah dapat memaksimumkan penggunaan kemudahan kapal terbang kerana lebih cepat dan mudah berbanding menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang lain bagi destinasi yang jauh. Selain itu dapat menjimatkan masa perjalanan dan juga kos daripada menggunakan kenderaan lain seperti kereta atau bas. Kemudahan perjalanan menggunakan kapal terbang adalah dibenarkan seperti mana yang dinyatakan di dalam Perintah Am Bab B. Iaitu staf yang layak di Universiti ini juga boleh menggunakan kemudahan pengangkutan perjalanan kapal terbang seperti mana yang diperuntukkan.

Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) telah dipertanggungjawabkan sebagai pusat rujukan dan urusan tempahan tiket kapal terbang staf UTeM atas urusan rasmi dalam negeri dan luar negara.

Walaubagaimanapun, didapati keadaan ini sudah tidak lagi sesuai diamalkan dan satu cadangan telah dikemukakan kepada pihak pengurusan tertinggi agar dapat diselaraskan semula dan dipusatkan pada setiap PTj agar lebih bersistematis dan komprehensif.

Pejabat Pendaftar telah mengeluarkan Surat Edaran Pentadbiran Bil 5/2010 dan melantik seorang penyelaras di setiap PTj yang terdiri daripada Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan Satu (1) untuk menguruskan tempahan tiket kapal terbang mengikut PTj. Jika dahulu masalah berkaitan dokumen tidak lengkap, tiada kelulusan Naib Canselor dan sebagainya dihadapi oleh BPO kini sebanyak 80% masalah tersebut telah dapat diatasi. Setiap tempahan perlulah melalui penyelaras yang dilantik dan mendapat kelulusan dari Ketua PTj. Tempahan yang telah mendapat kelulusan akan dihantar ke Bahagian Pengurusan Organisasi Pejabat Pendaftar untuk mendapatkan kelulusan dan segala pembayaran akan dilakukan oleh setiap PTj mengikut peruntukan PTj tersebut.

SISTEM TEMPAHAN TIKET KAPAL TERBANG UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Setiap tempahan yang dibuat oleh staf UTeM untuk penerbangan di dalam negeri perlulah mendapat kelulusan dari Ketua PTj. Bagi tempahan tiket kapal Terbang untuk ke luar Negara, setiap staf perlu mendapatkan kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu dengan mengisi borang Lampiran A dan kelulusan dari Pejabat Antarabangsa. Manakala untuk tempahan tiket ke luar Negara bagi Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) perlu mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi.

Dengan menggunakan kaedah ini, adalah didapati bahawa tempahan tiket kapal terbang dapat dilaksanakan dengan lebih cepat serta dapat di kawal dengan lebih baik. Sebagai contoh, dengan adanya pelantikan penyelaras di setiap PTj, proses tempahan tiket kapal terbang menjadi lebih mudah dan senang serta dapat mengelakkan kelewatan tempahan tiket kapal terbang yang memerlukan tindakan segera.

Walaubagaimanapun, bagi tempahan tiket kapal terbang untuk staf cuti belajar, staf akademik kontrak dan tambang menghadiri wilayah asal, ia masih diuruskan oleh BPO. Pejabat Pendaftar, melalui BPO telah melantik Puan Rafedah binti Sajadi (Pembantu Tadbir, gred N17) yang bertanggungjawab bagi urusan tempahan tiket kapal terbang termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan tiket kapal terbang diperingkat Pejabat Pendaftar dan Universiti.

Melalui Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 3 tahun 2010, pihak Universiti telah melantik Empat (4) buah panel tiket kapal terbang bagi menguruskan tempahan tiket kapal terbang untuk staf di Universiti ini iaitu Dua (2) di Kuala Lumpur dan Dua (2) di Melaka seperti jadual berikut :--

Empat (4) buah panel tiket kapal terbang

Dua (2) di Kuala Lumpur

Dua (2) di Melaka

Puteri Holiday Sdn Bhd, No. 38, Jalan Cempaka 1, Taman Sri Cempaka, 75400 Peringgit, Melaka.	Enesty Travel & Tours Sdn Bhd, No. 18-20, jalan 1/109E, Desa Business Park, Jalan Desa, Taman Desa Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur.
Utas Travel & Tours Sdn Bhd, Lot F1-41, Tingkat 1, Plaza Hang Tuah, (Ocean), 75300 Jalan Tun Mamat, Melaka	KAA Travel & Tours Sdn Bhd, 14 th Floor, Menara Hup Seng, Jalan P.Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

Daripada kajian yang dibuat oleh BPO didapati terdapat IPTA yang mempunyai lebih dari 5 buah panel yang dilantik. Sehubungan dengan itu BPO dalam usaha untuk menambah lagi panel tiket pada masa akan datang bagi membolehkan staf UTeM membuat pilihan panel dikehendaki mengikut perkhidmatan yang diberikan. Pelantikan ini bertujuan demi memastikan setiap tempahan dibuat melalui saluran yang betul dan mengikut kelayakkan seseorang staf.

Staf UTeM tidak dibenarkan sama sekali untuk membuat sebarang tempahan tiket kapal terbang secara terus kepada panel tiket tanpa melalui penyelaras yang telah dilantik di setiap PTj. Sekiranya terdapat staf yang membuat tempahan terus kepada panel tiket kapal terbang, pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab sama sekali ke atas invois atau bil tuntutan yang dikeluarkan oleh panel tiket kapal terbang. Staf UTeM tidak dibenarkan membuat perkara-perkara yang menyalahi peraturan tempahan tiket kapal terbang semasa tempahan dibuat, jika terdapat staf yang melanggar peraturan dan didapati bersalah staf tersebut boleh dikenakan tindakan Tatatertib (merujuk Bahagian II, Tatakelakuan perkara 3 (2) (f) tidak jujur atau tidak amanah).

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



STAF YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DARI JANUARI 2010 HINGGA DISEMBESER 2010

TERAS

Senarai staf yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah

Dr. Hambali bin Arep @ Ariff (00178) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Reka bentuk pada 14 Januari 2010 dari Universiti Putra Malaysia (UPM).



Dr. Asiah binti Hj Mohd Pilus (00079) dari Pusat Bahasa & Pembangunan Insan (PBPI) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Sukan pada 14 Januari 2010 dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Dr. Kok Swee Leong (00636) dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik pada 25 Jun 2010 dari University Of Southampton, United Kingdom.

University of Auckland, New Zealand

Dr. Mohamad bin Minhat (00107) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal pada 24 Mac 2010 dari The University of Auckland, New Zealand.

Dr. Musthafah bin Mohd Tahir (01096) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Energy and Environment Science pada 25 Mac 2010 dari Nagaoka University of Technology, Japan.

Dr. Zul Azri bin Muhamad Noh (01293) dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Computer Science and Engineering pada 23 Mac 2010 dari Nagoya Institute of Technology, Japan.

Dr. Nurul Azma binti Zakaria (00771) dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Information & Mathematical Sciences pada 24 Mac 2010 dari Saitama University, Japan.

Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani (00717) dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sains Komputer (Biomedical Computing) pada 14 April 2010 dari Coventry University, United Kingdom.

Dr. Soo Yew Guan (00197) dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Precision Engineering pada 27 September 2010 dari The University of Tokyo, Japan.



Dr. Noreffendy bin Tamaldin (00638) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Automotif pada 08 Oktober 2010 dari Coventry University, United Kingdom.

Dr. Mariana binti Yusoff (00475) dari Pusat Bahasa & Pembangunan Insan (PBPI) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Languages and Communication pada 21 Oktober 2010 dari University of South Australia, Australia.

University of Saitama Japan

STAF YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DARI JANUARI 2010 HINGGA DISEMBER 2010

TERAS

Senarai staf yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah

Dr. Chong Shin Horng (00120) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik pada 25 September 2010 dari Tokyo Institute of Technology, Japan.

Dr. Sharimllah Devi a/p Ramachandran (00606) dari Pusat Bahasa & Pembangunan Insan (PBPI) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Management pada 18 Februari 2010 dari Multimedia University (MMU).

Dr. Zulkifli bin Mohd Rosli (00585) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Bahan pada 05 Februari 2010 dari University Of Sheffield, United Kingdom.

Dr. Md Nizam bin Abd Rahman (00960) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Reka Bentuk pada 12 April 2010 dari Coventry University, United Kingdom.

Dr. Radzuan bin Nordin (00380) dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Syariah / Fiqah pada 08 Julai 2010 dari Universiti Malaya (UM).



Dr. Nur Izan Syahriah binti Hussein (00296) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Manufacturing Engineering pada 21 Julai 2010 dari University of Nottingham, United Kingdom.

Dr. Mohd Fahmi bin Miskon (00260) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Robotik pada 10 Ogos 2010 dari Monash University, Australia.

Dr. Ruztamreen bin Jenal (00319) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Structural Engineering pada 11 Ogos 2010 dari The University of Sheffield, United Kingdom.

Dr. Khalthom binti Husain (PBPI). Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada University of Brighton, United Kingdom dalam bidang Computer Mediated Communication pada 18 Mei 2010.

Dr. Zahriladha bin Zakaria (FKEKK). Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada University of Leeds, United Kingdom dalam bidang Microwave Engineering pada 7 September 2010.



University of Sheffield United Kingdom

STAF YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DARI JANUARI 2010 HINGGA DISEMBESER 2010

TERAS

Senarai staf yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana

Rahimah binti Abdul Hamid (01205) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Production Systems Engineering pada 18 Januari 2010 dari RWTH Aachen University, Germany.

Nur Fatihah binti Azmi (01497) dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Electronics and Information Science) pada 31 Mac 2010 dari Tokushoku University, Japan.

Mohd Rusdy bin Yaacob (01252) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Mekatronik pada 16 Mac 2010 dari University of Siegen, Germany.

Muhammad Zaimi bin Zainal Abidin (01245) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Sains Material) pada 17 Mac 2010 dari Shibaura Institute of Technology, Japan.

Nik Syahrim bin Nik Anwar (01238) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Mekatronik pada 18 Mac 2010 dari Aachen University of Applied Science, Aachen, Germany.

Mohd Sanusi bin Abdul Aziz (01589) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Mechanical Science and Engineering pada 23 Mac 2010 dari Kanazawa University, Japan.

Fara Ashikin binti Ali (01479) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Electrik & Komputer) pada 23 Mac 2010 dari Kanazawa University, Japan.

Mohd Rozaimi bin Zahidin (01494) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains (Integrated Design Engineering) pada 23 Mac 2010 dari Keio University, Japan.

Mohd Nur Azmi bin Nordin (01454) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal pada 23 Mac 2010 dari Yamaguchi University, Japan.

Anuar bin Mohamed Kassim (01458) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Electrical, Electronic & System Innovation) pada 23 Mac 2010 dari The University of Takushima, Japan.

Aimie Nazmin bin Azmi (01279) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains (Energy Systems) pada 25 Februari 2010 dari The University of New South Wales, Australia.

Norliana binti Salleh (01496) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 31 Mac 2010 dari Takushoku University, Japan.

Nurdiana binti Nordin@Musa (01195) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Mekatronik pada 27 Mei 2010 dari The University of Siegen, Germany.

Fadhl bin Syahrial (01252) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan dalam bidang Mekanik pada 14 Julai 2010 dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.

Mohd Khairi bin Mohd Zambri (01192) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan dalam bidang Tenaga Elektrik dan Sistem Kuasa pada 26 Ogos 2010 dari Universiti Malaya, Malaysia.



University of



University

STAF YANG TELAH BERJAYA MENAMATKAN PENGAJIAN DARI JANUARI 2010 HINGGA DISEMBER 2010

TERAS

Senarai staf yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana



en, Germany

Fadilah binti Abdul Azis (01189) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Mekatronik pada 26 April 2010 dari University of Siegen, Germany.

Norhazilina binti Bahari (01446) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektrik Kuasa) pada 27 Mei 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Siti Rahmah binti Shamsuri (01493) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal Bahan) pada 27 Mei 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Nadlene binti Razali (01505) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 27 Mei 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).


Nazri Huzaimi bin Zakaria (01488) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 27 Mei 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohd Irwan bin Mohd Azmi (01306) dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal) pada 27 Mei 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohd Nazrin bin Muhammad (01277) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Mekatronik pada 01 Jun 2010 dari University of Siegen, Germany.

Chang Siang Yee (01597) dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Bahan) pada 08 Julai 2010 dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Norhaslinda binti Hasim (01480) dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) telah berjaya mendapat Ijazah Sarjana Kejuruteraan (Elektrik - Mekatronik & Kawalan Automatik) pada 20 Julai 2010 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM).



New Wales Australia



University of Takushima, Japan



PERSONALITI

Teras: Bolehkah tuan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang, pendidikan dan pengalaman kerjaya?

Omar bin Abdul Aziz : Untuk makluman semua saya dilahirkan di Brighton, England pada 25 Jun 1982. Pendidikan awal saya bermula di Sekolah Rendah Islam Al-Irsyad di Kuantan, selepas itu saya menyambung pengajian diperingkat menengah di Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Tanjung Api, Kuantan, Sekolah Menengah Islam Al-Irsyad di Kampung Kurnia, Kuantan, Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh dan menamatkan tingkatan lima (5) di Sekolah Menengah Agama Merlimau, Melaka. Selepas itu saya menyambung pengajian saya di peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dalam bidang Pengurusan Perniagaan (Pengangkutan).

Tanjung Api, Kuantan, Sekolah Menengah Islam Al-Irsyad di Kampung Kurnia, Kuantan, Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Temerloh dan menamatkan tingkatan lima (5) di Sekolah Menengah Agama Merlimau, Melaka. Selepas itu saya menyambung pengajian saya di peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dalam bidang Pengurusan Perniagaan (Pengangkutan).

Selepas berjaya mendapatkan diploma saya terus berkhidmat di Southern Waste Management (SWM) Melaka selama empat (4) tahun sebagai 'Project Assistant'. Syarikat ini menguruskan sisa pepejal dan memberi perkhidmatan pembersihan di 3 negeri iaitu Melaka, Johor dan Negeri Sembilan.

Teras : Apakah pencapaian yang membanggakan yang pernah dicapai oleh pihak tuan?

Omar bin Abdul Aziz : Pencapaian yang paling saya ingati ialah mendapat Anugerah Pekerja Cemerlang pada tahun 2008 ketika berkhidmat di Southern Waste Management (SWM) dan mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun 2009 di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Teras : Bagaimanakah tuan membahagikan masa antara kerjaya, aktiviti dan keluarga?

Omar bin Abdul Aziz : Alhamdulillah saya mempunyai keluarga yang amat memahami minat dan kerjaya saya, oleh sebab itu pembahagian masa saya dapat laksanakan dengan mudah. Yang paling penting dan utama ialah keluarga, bagi saya keluarga adalah sebuah institusi yang amat penting dan perlu ditadbir urus dengan baik. Selepas keperluan keluarga dipenuhi barulah saya menggunakan masa yang selebihnya untuk melakukan aktiviti yang saya minati. Saya amat meminati aktiviti lasak dan separa lasak contohnya mendaki gunung, menjelajah, 'jungle trekking', berbasikal, 'paintball' dan 'wall climbing'.

Teras : Adakah tuan mempunyai tokoh-tokoh yang menjadi idola dalam memberikan inspirasi kepada tuan untuk peningkatan bidang kerjaya?

Omar bin Abdul Aziz : Saya sebenarnya ada ramai tokoh yang menjadi idola saya diantaranya ialah junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W dan yang kedua ialah Sir Alexander Chapman Ferguson. Dengan membaca sejarah

Staf UTeM Tawan Gunung 'Tok Nenek' Ekspedisi Bentuk Semangat Setiakawan

DURIAN TUNGGAL, 9 Jun - Semasa 24 staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dari pelbagai jabatan telah menyertai ekspedisi menawar Gunung Tok Nenek terletak di Cameron Highlands baru-baru ini.

Ekspedisi selama empat hari

ditunjuk Biro Sekan dan

Rekreasi, Badan Keajaiban Staf

Universiti Teknikal Malaysia

Melaka (BAKUTEF)

Pengarah Program, Omar

Abd. Aziz berkata, ekspedisi ini

bertujuan membentuk semangat

bersamaan dengan

kebersamaan dan kekeluargaan

dalam masyarakat.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Ekspedisi ini turut

membolehkan para staf

mengetahui tentang

sejarah dan budaya

tempat ini.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan

menikmati alam semulajadi.

Menurutnya, ekspedisi ini

merupakan kesempatan

untuk bersantai dan




Teras : Apakah aktiviti-aktiviti luar yang pernah tuan terlibat di sepanjang perkhidmatan tuan di UTeM?

Omar bin Abdul Aziz : Saya mengakui yang saya amat meminati aktiviti luar, aktiviti lasak dan separa lasak. Selain ia dapat membantu saya dalam mengekalkan kecergasan badan ia juga dapat membantu saya melepaskan tekanan kerja dan mencerdaskan mental. Di UTeM saya aktif dengan sukan peringkat Jabatan, saya mewakili Pejabat Pendaftar dalam sukan Ping Pong, Badminton dan Tenis selain itu saya juga telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa pelaksana Program Rekreasi bersama Naib Canselor UTeM.


Bagi kegiatan yang lebih mencabar saya telah dilantik menjadi Pengarah Program Ekspedisi Gunung Nuang 2009 dan Ekspedisi Gunung Tok Nenek 2010 serta telah menyertai pelbagai program ekspedisi dan penjelajahan yang dilaksanakan oleh Biro Sukan dan Rekreasi Badan Kebajikan Staf UTeM diantaranya ialah aktiviti dan ekspedisi pendakian di gunung-gunung yang terletak di Semenanjung Malaysia diantaranya ialah Gunung Yong Belar, Gunung Besar Hantu, Gunung Nuang, Gunung Angsi, Gunung Ledang, Gunung Tok Nenek dan Gunung Nuang. Aktiviti lain yang saya sertai selain pendakian ialah Ekspedisi ke Pulau Redang, Waterfall Abseiling, White Water Rafting, Penjelajahan Gua Tempurung dan lain-lain. Dengan menyertai aktiviti sebegini selain mendapat kesihatan fizikal dan mental secara tidak langsung saya dapat membantu mempromosikan dan memperkenalkan UTeM kepada masyarakat luar.



GALERI



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



GALERI



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



